

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

NO. SOALAN : 455

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan penjelasan secara terperinci status cadangan pembinaan Jambatan Merbong Engkilili yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak pada PRU-14.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jambatan Merbong Engkilili tiada dalam senarai kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas serta tidak tersenarai di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kementerian. Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, dimohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA), untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Rolling Plan yang akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan pihak UPE, MEA dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.